

GAYA KEWARTAWANAN BARU DALAM
NOVEL PILIHAN
ABDULLAH HUSSAIN

TALIB SAMAT

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi Ijazah
Sarjana Sastera

Februari 1998

677476

rb

f PL 5136.1

B35628T1

1998

Didikasi kepada ayahanda dan bunda, Samat Tukiman dan Nea bt. Md. Zain yang memungkinkanku mengenai bulan dan mentari serta kehidupan ini. Demikian juga kepada isteriku, Ramnah bt. Manap dan anak-anakku, Norsaleha, Norsyuhada, Muhammad Salehuddin dan Siti Hajar yang ikut berkorban demi perjuangan dan jihad menyiapkan kajian ini. Pengorbanan kalian, kefahaman, iltizam dan cahaya wajah kalian membakar semangat dan mindaku meneruskan perjuangan mencari dan mengembangkan ilmu di pentas hayat ini.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	vii
JADUAL KANDUNGAN	iv
SENARAI CARTA	x
ABSTRAK	xi
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 PERNYATAAN KAJIAN	1
1.2 BIDANG KAJIAN	6
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	7
1.4 KEPENTINGAN KAJIAN	8
1.5 KAJIAN BERKAITAN	10
1.6 KAEDAH KAJIAN	16
1.7 PENDEKATAN KAJIAN	17
1.8 ORGANISASI TESIS	18
BAB 2: SEJARAH KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN TEORI GAYA KEWARTAWANAN BARU	21
2.1 PENGENALAN	21
2.2 SEJARAH KEMUNCULAN TEORI GAYA KEWARTAWANAN BARU	22
2.3 TOKOH-TOKOH PENTING GAYA KEWARTAWANAN BARU DAN NOVEL BUKAN FIKSYEN (<i>FACTION</i>)	38
2.3.1 Tom Wolfe	39
2.3.2 Truman Capote	43
2.3.3 Norman Mailer	47
2.4 DEFINISI GAYA KEWARTAWANAN BARU	50
2.5 CIRI-CIRI GAYA KEWARTAWANAN BARU	56

2.6 PERBEZAAN DI ANTARA GAYA KEWARTAWANAN BARU DAN KEWARTAWANAN KONVENSI LAMA 72

2.7 KESIMPULAN 84

BAB 3: KEDUDUKAN DAN PENGARUH FAKTA DAN SEJARAH DALAM KARYA KREATIF ABDULLAH HUSSAIN DAN PENGARANG DUNIA 88

3.1 PENGENALAN 88

3.2 DEFINISI, FAKTA, PENGARUH DAN SEJARAH 85

3.3 HUBUNGAN FAKTA DAN SEJARAH DALAM PEMIKIRAN FIKSYEN MODEN DAN PASCA MODEN 93

3.4 FAKTA DAN SEJARAH DALAM KARYA-KARYA ABDULLAH HUSSAIN 135

3.5 KESIMPULAN 179

BAB 4: ANALISIS GAYA KEWARTAWANAN BARU (FACTION) DALAM TIGA NOVEL ABDULLAH HUSSAIN 182

4.1 PENGENALAN 182

4.2 ANALISIS CIRI-CIRI GAYA KEWARTAWANAN BARU (FACTION) DALAM NOVEL TERJEBAK, PERISTIWA DAN AKU TIDAK MINTA 183

4.3 CONTOH PENGGUNAAN DAN PENERAPAN GAYA BERITA, GAYA PERISTIWA DAN GAYA FIKSYEN DALAM TIGA NOVEL ABDULLAH HUSSAIN 194

4.4 ANALISIS PENGGUNAAN DAN PENERAPAN GAYA KEWARTAWANAN BARU (FACTION) DALAM TIGA NOVEL ABDULLAH HUSSAIN 199

4.5	KESAN PENGGUNAAN DAN PENERAPAN GAYA <i>FACTJON</i> DALAM KREATIVITI ABDULLAH HUSSAIN	248
4.6	KESIMPULAN	257
BAB 5: ANALISIS GAYA FIKSYEN DALAM TIGA NOVEL ABDULLAH HUSSAIN		
		258
5.1	PENGENALAN	259
5.2	ANALISIS GAYA FIKSYEN DALAM NOVEL <i>TERJEBAK, PERISTIWA DAN AKU TIDAK MINTA</i>	260
5.3	KESIMPULAN	318
BAB 6: KESIMPULAN		
		320
BIBLIOGRAFI		
		335
LAMPIRAN		
		397
LAMPIRAN A BIODATA ABDULLAH HUSSAIN		
		398

PENGHARGAAN

Pertama-tamanya saya ingin memanjatkan kesyukuran yang tidak terningga kepada Allah yang Maha Kuasa dan Maha Suci yang mengurniakan rahmat dan hidayat-Nya serta memberi kekuatan batiniah untuk saya menyempurnakan kajian yang mencabar ini.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih yang abadi dan berkekalan kepada Dato' Profesor Emeritus Haji Shannon Ahmad yang telah memberi pelbagai saranan, fikiran, rangsangan dan kritikan yang bernas dan membina dalam proses menyelia kajian ini. Segugus jutaan terima kasih saya kalungkan kepada Sasterawan Negara Abdullah Hussain kerana sudi meluangkan masanya yang berharga untuk ditemuraman, berkongsi pendapat dan berdiskusi tentang karya-karyanya dan pengalaman hidupnya.

Rasa terima kasih yang tidak terhingga ini juga ditujukan kepada pimpinan Dewan Bahasa dan Pustaka khususnya kepada Ketua Pengarahnya, Haji A. Aziz Deraman yang membenarkan saya belajar peringkat M.A. secara sambilan sambil bekerja. Ucapan terima kasih yang mewangi ditujukan juga kepada beliau dan Encik Anwar Ridhwan (Pemangku Pengarah Jabatan Pembinaan dan Penyelidikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka) yang meluluskan pemergian saya untuk menghadiri Seminar International Center Reading di Universiti Washington, St. Louis, Missouri, Amerika Syarikat pada 15 Oktober 1996 dan Seminar Self and Other di

University Kentucky. Lexington, Kentucky, Amerika pada 18 hingga 20 Oktober 1996. Kunjungan singkat di kedua-dua universiti, institusi ilmu dan sosial di Amerika Syarikat selama hampir dua minggu itu bukan sahaja mendedahkan tentang pengalaman baru dalam pengurusan sastera tetapi juga mendedahkan saya secara tidak langsung kepada buku-buku tentang teori *new journalism*, teori ilmu lainnya dan contoh novel yang menggarap teknik penulisan *new journalism*, novel bukan fiksyen dan *faction* yang tidak terdapat di Malaysia. Kunjungan itu mencetuskan ilham kepada saya untuk mempercepatkan tempo kajian ini secara lebih agresif.

Saya juga merakamkan rasa terima kasih yang mendalam kepada Profesor Madya Dr. Hj. Md. Salleh Yaapar - Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang ikut melontarkan pelbagai idea, saranan dan memberi motivasi yang bernas untuk memperkemaskan kajian ini. Tidak ketinggalan juga saya ingin merakamkan rasa terhutang budi dan terima kasih yang mendalam kepada Prof. Madya Dr. Fatimah Busu yang menjadi penyelia kedua (bersama) yang ikut melontarkan pelbagai saranan dan semangat sewaktu menyelia kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Sohaimi Abdul Aziz yang ikut melontarkan pelbagai idea dan fikiran yang tajam untuk *mempertajamkan* lagi kajian ini.

Rakaman terima kasih yang berterusan ditujukan juga kepada Dr. Darwis Harahap Mohamad, Pengerusi Rancangan Bahasa Malaysia yang ikut melontarkan idea dan saranan untuk

memperkukuhkan kajian ini di samping terus membakar semangat kepada saya untuk belajar sambil bekerja dan menyiapkan kajian ini sebaik dan secepat mungkin.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada para pensyarah Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, rakan-rakan di Dewan Bahasa dan Pustaka serta teman-teman penulis dan sasterawan, rakan-rakan sepengajian dan seuniversiti yang ikut melontarkan idea dan memberi motivasi kepada saya agar segera membereskan pengajian M.A. ini. Kepada Puan Siti Zainab Ismail yang menaip tesis ini secara komputer diucapkan terima kasih yang abadi.

Talib Samat
4 Februari 1998
6 Syawal 1418

SENARAI CARTA

1. Carta 1 Perbandingan *New Journalism* dan Kewartawanan Konvensi Lama (hlm. 79).
2. Carta 2 Perbezaan Karya Abdullah Hussain Dengan Karya A. Samad Said (hlm. 181).
3. Carta 3 Ciri-ciri *Faction* Yang Diterapkan oleh Abdullah Hussain dalam *Terjebak, Peristiwa* dan *Aku Tidak Minta* (hlm. 243).
4. Carta 4 Perbandingan Kadar Peratusan Gaya *Faction* Yang Terdapat Dalam Novel *Terjebak, Peristiwa* dan *Aku Tidak Minta* (hlm. 246).

ABSTRAK

**GAYA KEWARTAWANAN BARU DALAM NOVEL PILIHAN
ABDULLAH HUSSAIN**

Tesis ini membincangkan tajuk “Gaya Kewartawanan Baru dalam Novel Pilihan Abdullah Hussain”.

Bab Satu menghuraikan pengenalan tesis ini dan Bab Dua membincangkan sejarah kemunculan dan perkembangan teori gaya kewartawanan baru, falsafah gaya kewartawanan baru, tokoh-tokoh penting gaya kewartawanan baru dan novel bukan fiksyen, definisi dan ciri-ciri gaya kewartawanan baru, dan perbezaan di antara gaya kewartawanan baru dan kewartawanan konvensional lama.

Bab Ketiga membincangkan kedudukan dan pengaruh fakta dan sejarah dalam karya kreatif Abdullah Hussain dan pengarang dunia yang lain dalam pemikiran fiksyen moden dan pasca moden. Disertakan contoh dan analisis karya berkaitan untuk mempertajamkan perbincangan.

Bab Keempat menganalisis gaya kewartawanan baru (*faction*) yang terdapat dalam tiga novel Abdullah Hussain yang menjadi tumpuan kajian iaitu *Terjebak*, *Peristiwa* dan *Aku Tidak Minta* berdasarkan enam ciri gaya kewartawanan baru yang diperkenalkan oleh Tom Wolfe (1973) dan John Hollowell (1977). Bab ini juga menganalisis cara, bagaimana dan kesan penggunaan gaya *faction* dalam kreativiti Abdullah Hussain menerusi tiga novel tersebut yang menjadi fokus kajian.

Bab Kelima menganalisis gaya fiksyen yang terdapat dalam tiga novel Abdullah Hussain berasaskan ciri-ciri asas yang perlu ada pada struktur intrinsik sesebuah cereka atau fiksyen iaitu tema, plot, sudut pandangan, watak dan perwatakan,

ABSTRACT

**THE NEW JOURNALISM IN THE SELECTED NOVELS OF
ABDULLAH HUSSAIN**

This thesis discusses the topic of "The New Journalism in the Selected Novels of Abdullah Hussain."

The first chapter explains the introductory part of this thesis, while the second chapter discusses the appearance and the development of the theory of this new journalism style, the philosophy behind it, important figures of this new journalism style and nonfiction novel, definition and characteristics of this new journalism style, and the difference between the new journalism style and the conventional style of journalism.

The third chapter will look into the status and the factual and historical influence on the creative works of Abdullah Hussain and other writers of the world in modern fiction and post-modern thoughts. Samples and analyse of related works will be enclosed to further substantiate the discussion.

In chapter four, the new journalism style (faction) found in three of Abdullah Hussain's novels will be the focus of study. The novels are *Terjebak*, *Peristiwa*, and *Aku Tidak Minta*. The study will be based on six characteristics of this faction introduced by Tom Wolfe (1973) and John Hollowell (1977). This chapter will also analyse the usage and the effect of the usage of faction in Abdullah Hussain's creative work in the said three novels.

And chapter five will analyse the style of fiction found in these three novels of Abdullah Hussain based on the basic characteristics that should be present in the

intrinsic structure of a fiction. The basic characteristics are the theme, plot, point of view, character and characterization, the style, atmosphere or intonation.

Chapter six is the conclusion of this thesis. The bibliography and the appendix are included at the end of the thesis.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pernyataan Kajian

Dunia persuratkhabaran, kewartawanan dan kesusasteraan adalah saling berhubungan di antara satu sama lain. Hubungan di antara kewartawanan dan kesusasteraan bertambah ketara akhir-akhir ini apabila golongan masyarakat sering bertanya dan mempersoalkan kebenaran dan fakta yang terdapat dalam sesuatu berita atau laporan yang ditulis oleh para wartawan. Demikian juga para wartawan yang berusaha menulis sesuatu berita atau laporan dengan seobjektif mungkin menghadapi masalah bila sesuatu sumber berita itu ditentukan oleh pihak berkuasa. Hal ini menyebabkan kebenaran sesuatu berita itu ditentukan bukan lagi oleh para wartawan dan menulisnya dengan sebaik mungkin berdasarkan pemikiran mereka.

Gejala ini berpunca daripada pelbagai kelemahan yang terdapat dalam dunia kewartawanan dan penulisan jurnalistik itu sendiri. Akibat daripada fenomena ini yang muncul di

Barat khususnya di Amerika Syarikat pada sekitar tahun 1960-an mendorong golongan wartawan meminjam unsur-unsur sastera, seni dan keindahan untuk menghasilkan suatu bentuk gaya penulisan dan pemikiran yang diberi nama *new journalism* yang menggabungkan teknik penulisan fakta dan fiksi secara harmoni hingga menghasilkan laporan berita yang lebih kreatif, segar dan hidup berbanding bentuk laporan biasa.

Berbanding bidang kewartawanan (konvensi lama) dan kesusasteraan, kewartawanan mempunyai had dan kelemahannya sendiri. Shelly Fisher Fishkin misalnya menyebutkan, kewartawanan diselubungi kawalan dan kejemuan sedangkan kesusasteraan lebih bebas dan lebih menyeronokkan, penulisannya tidak cepat menjemukan minda pembaca. (1988: 7) Demikian juga kewartawanan tidak selalu jujur (*ibid.*, : 7) ada putar belit dan pembaca tidak bebas berfikir sedangkan kesusasteraan lebih jujur, terbuka dan bersifat subjektif (boleh ditafsir sendiri oleh pembaca mengikut persepsi mereka). Penulisan kewartawanan tidak bersifat *personal* dan penulisnya tidak intim dengan pembaca sedangkan kesusasteraan bersifat *personal*, (*ibid.*, : 7) kejiwaan dan penulis pembaca intim hubungannya. Begitu juga pembaca suratkhbar atau laporan kewartawanan biasanya tidak aktif (*ibid.*, : 7) sedangkan pembaca atau khalayak sastera biasanya aktif berfikir, merenung dan membentuk makna yang tersendiri

daripada hasil-hasil kesusasteraan yang dibaca dan dihayatinya.

Penulisan dalam bidang kewartawanan dan kesusasteraan memberi sumbangan kepada sifat-sifat perkembangan kreatif cara wartawan dan sasterawan yang saling meminjam di antara kedua-dua bentuk itu. Bagi golongan wartawan, mereka tertarik kepada bentuk baru yang meminjam teknik dan unsur-unsur sastera yang disebut *new journalism*. Manakala bagi golongan sasterawan juga tertarik meminjam unsur atau teknik dalam bidang kewartawanan iaitu fakta (John Holowell, 1977: 15) dan sejarah (*ibid.*: 87) hingga menghasilkan teknik dan bentuk novel bukan fiksyen (*ibid.*: 11).

Penglibatan golongan wartawan yang meminjam teknik penulisan sastera iaitu *new journalism* memberi perhatian lebih terhadap fakta, kepelbagaian gaya, realiti yang konkrit, dokumentasi *detail*, (Shelly Fisher Fishkin, 1988: 7) dinamik masyarakat, pengalaman dan lain-lain. Tulisan pengarang-pengarang ini yang memanfaatkan gaya *new journalism*, ~~novel bukan fiksyen~~ atau tepatnya menggabungkan fakta dan fiksyen mempunyai dua ciri utama. Pertama, pengarang berkenaan pentingkan pengalaman lebih daripada ideologi atau idea. Pengalaman merujuk kepada apa yang dilihat, dengar, rasa dan menyaksikan sendiri atau mengalaminya secara peribadi sesuatu peristiwa itu. Kedua,

pengarang berkenaan berkarya menggunakan bahan mentah yang mereka alami sendiri dan tidak merujuk kepada karya-karya sastera lampau. Dalam hubungan ini karya mereka bersifat *original* (*ibid.*: 7), asli, menggambarkan realiti dan fakta sebenar apalagi gaya suratkhbar pula digunakan dalam berkarya.

Disiplin yang mengkaji hubungan di antara konvensi baru dalam dunia kewartawanan dan penggunaan teknik atau unsur sastera ialah *new journalism* yang diperkenalkan oleh Tom Wolfe menerusi karyanya *The New Journalism* (1973) dan dikemaskinikan oleh tokoh-tokoh lain seperti John Hollowell (1977) menerusi karyanya *Fact and Fiction: The New Journalism and the Nonfiction Novel*, John Hellmann (1981) menerusi karyanya *Fables of Fact: The New Journalism as New Fiction*, dan sebagainya.

Lutfi Abas menjelaskan, *new journalism* yang dimulakan oleh Tom Wolfe pada tahun 1960-an, adalah salah satu daripada banyak aliran realisme baru yang mengemukakan pemerian pencerita sesuatu karya sastera seperti pemerian akhbar." (1995: 140).

Tom Wolfe mengemukakan empat ciri penting gaya penulisan *new journalism* iaitu (i) pemerian kejadian demi kejadian dengan sedikit cerita sejarah (imbas. balik), (ii)

dialog yang penuh, sebagai sebahagian daripada suatu kejadian penuh; (iii) penyampaian kejadian melalui mata pengamat yang tertentu, meletakkan pembaca ke dalam watak itu; dan (iv) merakamkan sikap, perangai, pakaian, gaya, alat rumah tangga dalam kejadian tertentu, mengemukakan kehidupan status' (iaitu) cara-cara dengannya dia menyatakan dirinya (1973: 31-34). John Hollowell menambah dua lagi ciri penting gaya penulisan *new journalism* iaitu (i) monolog dalaman (interior monolog) dan (ii) perwatakan komposit (1977: 25-26).

Menurut Lutfi Abas, "Suatu jenis cereka yang menggunakan gaya *new journalism* disebut *faction* yang merupakan akronim *fact* dan *fiction* atau *non-fiction fiction*. Ia disebut *fiction* kerana ia merupakan gabungan antara *fact* dengan *fiction*. Dalam *faction*, latar, masa, watak dan kejadian adalah nyata seperti laporan suratkhbar atau buku sejarah, tetapi *faction* ditulis menggunakan teknik penulisan novel" (1995: 141).

Keterpesonaan para pengarang terhadap gaya penulisan *new journalism* dan kekuatan pengaruhnya bertambah nyata bila karya Thomas Keneally yang berjudul *Schindler's Ark* (1982) yang menggabungkan teknik fakta dan fiksiyen memenangi Hadiah Booker di Britain pada tahun 1982. Golongan wartawan menganggap *Schindler's Ark* (yang kemudiannya difilemkan oleh

Steven Spielberg dengan judul *Schindler's List* dan diharamkan tayangannya di Malaysia) sebagai karya dokumentari (bukan fiksyen) atau karya (kewartawanan) sedangkan pengkaji dan pengkritik sastera menganggap *Schindler's Ark* sebagai sebuah karya sastera berdasarkan gabung-jalin unsur-unsur sastera, tekniknya dan kekreatifan fakta sejarah yang diungkapkan di dalamnya. Kontroversi kemenangan *Schindler's Ark* dan penggunaan gaya *new journalism* (Martyn Goffred, 1989: 187) yang dimanfaatkan oleh pengarangnya, Thomas Keneally menyebabkan gaya penulisan *new journalism* bertambah terkenal dan diminati ramai di seluruh dunia.

Kajian ini berusaha membuat penyelidikan dan mengenal pasti adakah karya Abdullah Hussain menunjukkan gaya bahasa dan teknik penulisan yang agak berbeza dengan pengarang lain di Malaysia. Gaya bahasa dan penulisan Abdullah Hussain dikenal pasti memiliki gaya dan teknik penulisan *new journalism* yang terdapat dalam beberapa buah karyanya yang dikaji iaitu *Terjebak* (1965), *Peristiwa* (1965), dan *Aku Tidak Minta* (1967).

1.2 Bidang Kajian

Kajian ini bersifat tekstual, kontekstual dan perbandingan karya-karya Abdullah Hussain yang memiliki gaya *new*

journalism dan berbentuk novel bukan fiksi dengan memberi tumpuan kepada novel-novel *Peristiwa*, *Aku Tidak Minta*, dan *Terjebak*. Latar belakang dan pengalaman luas Abdullah Hussain dalam bidang kewartawanan seperti menjadi penolong pengarang suratkhbar *Saudara*, pengarang majalah *Bintang*, *Gelanggang Filem*, *Puspa* dan majalah-majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia dan Brunei dan sebagainya sama ada di Malaysia, Indonesia dan Brunei juga ditekankan. Kajian juga ditumpukan kepada penglibatan Abdullah Hussain dalam peristiwa sejarah perjuangan kemerdekaan di Malaysia dan Indonesia seperti yang terungkap dalam teks-teks yang dikaji dan buku-buku berkaitan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif penting. Objektif pertama ialah untuk mengenal pasti sama ada wujud unsur-unsur *new journalism* dalam karya-karya Abdullah Hussain dan sejauh mana unsur-unsur itu bersifat estetik sastera. Hal ini cukup ketara kerana beberapa buah karya Abdullah Hussain sama ada cerpen atau novel sering dianggap oleh kalangan pengkritik membawa aliran *new journalism* dalam penciptaan karyanya. Objektif yang kedua: bagaimana ciri-ciri *new journalism* atau gaya kewartawanan *new journalism* atau *faction* diterapkan dalam kreativiti Abdullah Hussain. Manakala objektif ketiga: mengkaji kesan penggunaan gaya *new*

journalism atau *faction* dalam kreativiti Abdullah Hussain. Manakala objektif keempat: mengkaji gaya tersendiri atau "cereka nyata" yang dimiliki oleh Abdullah Hussain. Hal ini cukup penting dilakukan kerana selama ini aspek ini belum diteroka dengan serius oleh pengkaji sastera Malaysia yang cuba dilengkapkan oleh kajian ini.

Keempat-empat objektif ini cukup relevan dilakukan kerana selama ini kajian bersifat struktural tentang novel-novel Abdullah Hussain memang banyak dilakukan tetapi kajian khusus tentang teknik atau gaya penulisan *new journalism* dalam karya-karyanya sama ada novel atau autobiografinya hampir tidak langsung dilakukan dan diusahakan secara serius.

1.4 Kepentingan Kajian

Sehingga ini belum terlihat sebarang kajian dan penyelidikan yang dijalankan terhadap novel-novel dan karya Abdullah Hussain yang membawa aliran, gaya *new journalism* dan berbentuk *novel bukan fiction* secara wajar dan ilmiah. Kajian di peringkat M.A mahupun Ph.D terhadap karya-karya Abdullah Hussain yang sedemikian hampir tidak wujud di kalangan minda pengkaji atau pengkritik sastera.

Bagaimanapun karya-karya Abdullah Hussain yang kurang berbentuk sedemikian sudah banyak dilakukan oleh para

pengkaji pada peringkat latihan ilmiah untuk keperluan mendapatkan ijazah pertama di universiti-universiti tempatan. Demikian juga golongan pengkritik sastera di peringkat antarabangsa belum mengkajinya secara serius dan mendalam terhadap karya-karya Abdullah Hussain.

Jika diperhalusi kebanyakan latihan ilmiah bagi peringkat sarjana muda dan sarjana itu masih menumpukan kepada aspek tema dan struktur semata-mata masih belum menjuruskan kepada aspek kajian gaya penulisan *new journalism* dan bentuk novel bukan fiksyen yang diusahakan oleh penulis. Di sinilah sasaran dan kepentingan kajian ini untuk mempelbagaikan aspek dan ruang lingkup kesusasteraan Malaysia khususnya bidang kritikan.

Kajian ini berusaha untuk membuktikan apakah wujud gaya kewartawanan baru dalam karya-karya Abdullah Hussain yang menjadi tumpuan kajian. Kajian ini juga berusaha untuk membuktikan apakah wajar Abdullah Hussain dianggap pelopor gaya kewartawanan baru dalam kesusasteraan Malaysia. ~~Kajian ini juga berusaha menilai sumbangan Abdullah Hussain~~ terhadap kesusasteraan Melayu moden berhubung penerapan gaya kewartawanan baru dalam karyanya.

Kepentingan kajian M.A yang diusahakan ini adalah sebagai menyahut cabaran dan ruang kosong tersebut yang

perlu diisi untuk membuktikan Abdullah Hussain adalah pelopor gaya penulisan *new journalism* di Malaysia berdasarkan ketiga-tiga buah teks karya yang dikaji ini.

1.5 Kajian Berkaitan (Literature Review)

Teori gaya kewartawanan baru yang diperkenalkan oleh Tom Wolfe menerusi bukunya *The New Journalism* (1973) yang menerapkan penggunaan dan peminjaman teknik-teknik sastera khususnya novel dan cerpen dalam melaporkan berita secara kreatif.

Teori *new journalism* yang diperkenalkan oleh Tom Wolfe itu mendapat respon dan kajian daripada para sarjana seperti Michael Johnson menerusi bukunya *New Journalism: The Underground Press, the Artists of Nonfiction and Changes in the Established Media* (1971), Ronald Weber menerusi bukunya *The Reporter as Artist: A Look at the New Journalism Controversy* (1974), Mas'ud Zavarzadeh menerusi bukunya *Mythpoeic Reality: The Postwar American Nonfiction Novel* (1976) dan John Hollowell menerusi bukunya *Fact and Fiction: The New Journalism and the Nonfiction Novel* (1977).

Teori kewartawanan baru ini meminjam teknik penulisan sastera yang mempunyai enam ciri utama iaitu latar dramatik, dialog penuh dan berkaitan, deskripsi terperinci (status

kenidupan lengkap), sudut pandangan, monolog dalaman dan perwatakan pelbagai (komposit).

Secara ringkasnya dapat dikatakan teori *new journalism* yang diperkenalkan oleh Tom Wolfe merupakan pemikiran dan wawasan baru dalam pelaporan berita yang menekankan falsafah kemanusiaan, kebenaran, keindahan yang disampaikan secara kreatif meneruis gaya bahasa sastera.

Sehingga kini kajian berkaitan tentang penerapan gaya kewartawanan baru yang diterapkan oleh Abdullah Hussain belum atau hampir tiada dilakukan meskipun kajian terhadap karya Abdullah Hussain sudah banyak dilakukan khususnya yang menggunakan pendekatan tema dan struktur.

Prof. David J. Banks dalam bukunya *From Class to Culture: Social Conscience in Malay Novels Since Independence* ada juga menyorot dan memperkatakan beberapa novel Abdullah Hussain yang lain daripada aspek sosiologi dan perkembangan masyarakat Melayu era sebelum dan selepas merdeka (1987: 71).

Md. Salleh Kassim (1984) dalam bukunya *Kewartawanan: Teori dan Praktis* ada menyebutkan, "Di negara ini pengarang terkenal Abdullah Hussain banyak menulis cerpen berdasarkan

pengalaman sendiri. Beliau mungkin boleh digolongkan di bawah wartawan *New Journalism* (1984: 151).

Abdullah Hussain kemudian daripada itu dalam tulisannya "Jurnalisme Baru Dalam Karya Kreatif" (*Dewan Sastera*, Mei 1985: 65-67) mengakui gaya penulisan *new journalism* yang diusahakannya tanpa disedarkannya itu sebagai gaya tersendiri dalam sejarah penulisan dan kesusasteraan di Malaysia. Beliau tidak menyedari gaya penulisan *new journalism* yang dipusakainya itu sejak mula terlibat dalam dunia penulisan pada tahun 1939. Gaya penulisan Abdullah Hussain yang berdasarkan fakta dan pengalaman sebenar yang diperkukuhkan lagi dengan penglibatannya dalam dunia kewartawanan di akhbar *Saudara*, *Gelanggang Filem*, *Angkatan Baru* dan majalah-majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka di Malaysia dan Brunei dan sebagainya menguatkan gaya penulisan *new journalism* itu yang diterapkan dalam kebanyakan karyanya.

Tom Wolfe dalam bukunya *The New Journalism* memberi istilah yang tepat terhadap gaya penulisan *new journalism* itu pada tahun 1973, walhal terlebih awal daripada itu Abdullah Hussain telah mempraktikkan gaya penulisan yang tidak diketahui namanya itu dalam novel dan cerpen Abdullah Hussain terdahulu daripada itu. Perhatikan tiga novelnya yang dikaji ini iaitu *Terjebak* (1965), *Peristiwa* (1965) dan

Aku Tidak Minta (1967) diterbitkan lapan atau enam tahun lebih awal daripada Tom Wolfe yang mencipta teori itu.

Fakta ini bagaikan menjelaskan betapa Abdullah Hussain merupakan di antara pelopor gaya penulisan *New Journalism* yang sebelumnya tidak diketahuinya secara tepatnya berpunca daripada kurang tersebar luas buku-buku teori *new journalism* atau masalah komunikasi yang di luar kawalan manusia.

Abdullah Hussain dalam tulisannya menyebutkan, "Rupanya bagi penulis-penulis di Barat stail yang saya lakukan itu telah lama berjalan dan dikenali dengan nama *new journalism* (jurnalisme baru). Hal ini saya ketahui melalui Salleh Kassim ketika kami sama-sama pergi ke Melaka memberi ceramah di Bengkel Penulisan di Tapian Gelanggang dalam bulan Mei tahun 1982.

Malam itu di Hotel Admiral, Salleh yang pada masa itu menjadi pensyarah Kreatif dan Deskriptif di Universiti Malaya menunjukkan kepada saya manuskrip bukunya yang baru disiapkan dan di dalamnya ada disebutkan nama saya sebagai orang yang memulai stail itu di Malaysia (1985: 67).

Dalam pada itu, Lutfi Abas (1995) dalam bukunya *Kritikan Karya Sastera Sebagai Karya Seni* ada membuat sorotan sedikit terhadap bentuk dan ciri-ciri penulisan gaya *new journalism* dan menjadikan tiga novel Abdullah Hussain

iaitu *Terjebak*, *Peristiwa* dan *Aku Tidak Minta* sebagai contoh novel Malaysia (1985: 67) yang bercorak demikian.

Menurut Lutfi Abas, kerja-kerja penterjemahan yang dilibati oleh Abdullah Hussain memudahkan beliau terpengaruh dengan gaya penulisan *new journalism*. Hal ini jelas seperti katanya: "Dalam berbagai-bagai kerjaya yang diceburinya Abdullah juga penterjemah. Setakat ini, beliau telah menterjemahkan tujuh novel dan dua buku umum. Antara novel-novel yang diterjemahkannya ialah karangan Ernest Hemingway, Pearl S. Buck dan John Steinbeck. Besar kemungkinan gaya *new journalism* itu diserapnya melalui novel Hemingway *The Old Man and the Sea* yang diterjemahkan oleh Abdullah ke Bahasa Melayu menjadi *Orang Tua Dengan Laut* pada tahun 1961 (1995: 144-145).

Berdasarkan kajian Ph.D Shelly Fisher Fishkin bertajuk *From Fact To Fiction: Journalism and Imaginative Writing in America*, Ernest Hemingway merupakan salah seorang wartawan dan sasterawan Amerika yang menerapkan aliran *new journalism* dan gabungan fakta dan fiksyen (1985: 6) dalam novel-novel besarnya.

Sehingga kini kajian terhadap novel-novel pilihan dan kumpulan cerpen Abdullah Hussain dilakukan oleh mahasiswa di berbagai universiti di Malaysia. Di UKM misalnya terlihat

jelas dalam kajian B.A. Rahimah Md. Akhir (1995) bertajuk "Novel Imam Karya Abdullah Hussain Dari Segi Keislaman: Satu Kajian"; Shaharudin Ibrahim mengkaji "Rantau Selamat"; Jenny Chua Siu Kun mengkaji "Integrasi Kaum Dalam Novel *Interior*"; Ng Swee Tin memfokuskan "Satu Analisis Struktur Dalam Novel Abdullah Hussain"; Ram Prakash A/L Subramaniam mengkaji "Imej Wanita Dalam Novel-novel Pilihan Abdullah Hussain"; Syamsul Khamariah Salim mengkaji "Kajian Terhadap Novel-novel Abdullah Hussain Dari Sudut Sosiopolitik, Sosioekonomi dan Sosiobudaya"; Che Bahagia Mat Arshad mengkaji "Imej Manusia Dalam Novel Berorientasikan Islam: Kajian Beberapa Buah Novel 1980-an"; Wan Azizah Wan Daud mengkaji "Citra Melayu Dalam Novel-novel Abdullah Hussain"; Rosmini Shaari dan Shaari Isa: Satu Analisa Perkembangan Masyarakat" dan Rosli Osman mengkaji novel "Noni".

Golongan sarjana dan pengkritik sastera tempatan juga mengkaji karya-karya Abdullah Hussain daripada pelbagai perspektif dan pandangan. Ini termasuklah Dr. Darwis Harahap Mohammad (1990) "Konserto Terakhir: Dari Sudut Peradaban"; A. Rahim Abdullah (1991) "Stail dan Teknik Dalam Cerpen-cerpen Abdullah Hussain"; Hamzah Hamdani (1995) "Novel Imam Membawakan Pembaharuan Islam?"; Ungku Maimunah Mohd. Tahir (1995) "Novel Imam Karya Abdullah Hussain: Jatidiri Pemimpin

Agama;" Rahman Shaari menulis "Kamar Hati dan Kamar Akal Dalam Imam" (1996); Jins Shamsuddin menulis "Imam Daripada Aspek Perfileman (Sinematik)" (1996) dan pelbagai tulisan lainnya.

Manakala beberapa orang mahasiswa USM seperti Mohd. Isa Ismail (1975/1976) pernah membuat latihan ilmiah bertajuk "Perwatakan Dalam Novel *Interior*" dan Abdullah Ahmad pula membuat latihan ilmiah bertajuk "Novel-novel Abdullah Hussain Satu Kajian Dari Segi Tema dan Persoalan (1940-1980)". Seorang pelajar Universiti Malaya bernama Melilisa Wau Yit Fong membuat latihan ilmiah atas tajuk "Sebuah Perjalanan".

1.6 Kaedah Kajian

Kajian terhadap karya-karya Abdullah Hussain yang terpilih diasaskan kepada dua kaedah utama iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah wawancara. Kaedah kepustakaan berguna dilakukan untuk menjejaki sejarah kemunculan dan perkembangan teori *new journalism*, perbezaan konvensi kewartawanan lama dan baru (*new journalism*), perbezaan fiksyen dan novel bukan fiksyen dan struktur karya sastera yang dikaji. Kaedah ini diperkukuhkan lagi oleh kaedah wawancara yang dimanfaatkan untuk mendapatkan maklumat

novel *Terjebak* (1965), *Peristiwa* (1965) dan *Aku Tidak Minta* (1967). Pendekatan tekstual bermaksud mengkaji keseluruhan unsur-unsur dalaman yang terdapat dalam sesebuah teks sastera untuk mengukur kekuatan dan kelemahan sesebuah karya sastera itu. Manakala pendekatan biografi pula dimanfaatkan untuk meneliti latar belakang seseorang pengarang, masyarakat dan kehidupan luaran seseorang pengarang yang mempengaruhi proses kreatifnya menghasilkan sesebuah karya itu. Gabungan kedua-dua pendekatan tekstual dan biografi ini dimanfaatkan sepenuhnya untuk meneliti karya Abdullah Hussain.

1.8 Organisasi Tesis

Tesis ini dimulakan dengan pernyataan kajian sebagai memperkenalkan sejarah dan perkembangan teori *new journalism* di Barat (khususnya Amerika Syarikat dan Britain). Pengenalan ini diikuti bab kedua yang menjelaskan faktor-faktor kemunculannya, ciri-cirinya, dan perbezaan di antara kewartawanan konvensi lama dan baru. Bab ketiga membincangkan kedudukan fakta, sejarah, pengaruh dan perluasan penggunaannya dalam karya-karya Abdullah Hussain dan pengarang dunia yang memanfaatkan teknik *new journalism* dan berbentuk novel bukan fiksyen.

Bab keempat membincangkan dan menganalisis gaya *faction* yang terdapat dalam *Terjebak*, *Peristiwa*, dan *Aku Tidak Minta* secara bandingan.

Bab kelima membincangkan dan menganalisis gaya *fiksiyen* (fakta) yang terungkap dalam *Terjebak*, *Peristiwa*, dan *Aku Tidak Minta* secara bandingan.

Bab keenam menyimpulkan hasil kajian dan penyelidikan yang dilakukan terhadap karya-karya pilihan Abdullah Hussain yang memanfaatkan teknik *new journalism* dan berbentuk novel bukan *fiksiyen* serta wajarkah Abdullah Hussain disebut pelopor penulisan gaya *new journalism* dalam sejarah kesusasteraan Malaysia. Bibliografi, lampiran dan hal-hal lain berkaitan dilengkapi di akhir tesis ini.

Secara jelasnya, tesis ini mengandungi enam bab seperti berikut:

Bab Satu : Pengenalan

Bab Dua : Sejarah kemunculan dan perkembangan teori *new journalism*, pengasas dan tokoh-tokohnya, ciri-ciri dan perbezaan konvensi kewartawanan lama dan baru.

Bab Tiga : Kedudukan dan pengaruh fakta, sejarah dan penerapannya dalam tiga buah karya Abdullah

Hussain dan pengarang dunia yang menggunakan teknik (gaya) *new journalism* dan berbentuk novel bukan fiksyen.

Bab Empat : Membincangkan dan menganalisis gaya *faction* yang terdapat dalam *Terjebak*, *Peristiwa*, dan *Aku Tidak Minta* secara bandingan.

Bab Lima : Membincangkan dan menganalisis gaya fiksyen (fakta) yang terungkap dalam *Terjebak*, *Peristiwa*, dan *Aku Tidak Minta* secara bandingan.

Bab Enam : Kesimpulan.

Bibliografi

Lampiran

BAB 2

SEJARAH KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN TEORI GAYA KEWARTAWANAN BARU

2.1 Pengenalan

Bahagian ini berusaha membincangkan sejarah kemunculan teori gaya kewartawanan baru di Amerika Syarikat secara ringkas dan pengaruhnya ke atas dunia kewartawanan di Malaysia khususnya dengan kemunculan akhbar-akhbar *tabloid* dan utama yang banyak menerapkan gaya ini.

Di samping itu dibincangkan secara ringkas tokoh-tokoh penting penulis dan wartawan yang mempelopori dan menerapkan gaya kewartawanan baru dan novel bukan fiksyen (*faction*) di Amerika Syarikat iaitu Tom Wolfe, Truman Capote dan Norman Mailer.

Kontroversi yang muncul di sekitar gaya kewartawanan baru khususnya yang menyentuh aspek keindahan dan estetik dibicarakan secara ringkas dan padat.

Definisi dan ciri-ciri penting gaya kewartawanan baru difokuskan dengan lebih mendalam dan terperinci yang merupakan inti bab ini yang menjadi dasar dan asas seluruh perbincangan tesis ini.

Perbezaan di antara gaya kewartawanan baru dan kewartawanan konvensi lama dihuraikan dengan wajar dan disertakan contoh-contohnya daripada kedua-dua gaya ini untuk mempertajamkan perbincangan dan kefahaman.

2.2 Sejarah Kemunculan Teori Kewartawanan Baru

Perkembangan *new journalism* atau gaya kewartawanan baru bermula secara aktif pada tahun 1960-an yang dipelopori oleh kelompok penulis wartawan dan novelis yang memanfaatkan kisah benar dan fakta dalam penulisan kreatif mereka. Sekumpulan penulis yang mencetuskan gerakan baru dalam dunia kewartawanan ini dipelopori oleh Tom Wolfe yang melahirkan karya *The New Journalism* (1973) yang merupakan titik tolak penting pembaharuan dalam dunia penulisan dan kewartawanan.

Perjuangan gigih dan berani Tom Wolfe mengemukakan gaya kewartawanan baru atau *new journalism* ini diikuti oleh penulis dan wartawan lain seperti Truman Capote, Jimmy Breslin, Gay Talese, Gloria Steinem, Hunter Thompson, Norman Mailer, Seymour Krim dan ramai lagi.

Perjuangan golongan wartawan ini dalam memanfaatkan gaya kewartawanan baru ini mendapat sambutan hangat dan tersendiri daripada para wartawan dan penulis-penulis Amerika Syarikat dan berkembang ke seluruh dunia termasuk negara-negara lain seperti Britain, Malaysia dan sebagainya yang terdedah dengan

perkembangan terbaru dalam dunia kewartawanan menerusi media cetak dan elektronik.

Kemunculan gaya kewartawanan baru atau *new journalism* ini berkembang dengan pesat di Amerika Syarikat yang memprotes gaya penulisan kewartawanan lama yang hanya mementingkan fakta tetapi mengabaikan ciri-ciri artistik dan kemanusiaan yang begitu ditekankan dalam gaya kewartawanan baru. Perkembangan gaya kewartawanan baru ini memberikan wajah dan senario baru dalam dunia persuratkhabaran di Amerika Syarikat.

Penentangan terhadap gaya kewartawanan lama mencapai kemuncaknya bila terjadi Peperangan Vietnam di mana laporan berita yang tepat tentang kekalahan demi kekalahan tentera Amerika Syarikat di tangan tentera Vietnam Utara (Vietcong) dimanipulasi dan diputarbelit oleh Pentagon (Jabatan Pertahanan Amerika) seolah-olah mereka sedang mencapai kemenangan.

Para wartawan Amerika yang berusaha menulis berdasarkan fakta sebenar terperangkap dengan sumber berita daripada Pentagon yang dikenali sebagai *Pentagon Papers* yang memberi maklumat tidak tepat tentang apa yang sebenarnya berlaku di medan perang Vietnam. Ertinya dalam laporan yang dikeluarkan oleh Pentagon seolah-olah tentera Amerika Syarikat dan sekutunya di Vietnam Selatan sedang menuju ke arah kemenangan walhal

pada realiti dan hakikatnya semakin banyak mayat tentera Amerika Syarikat tiba ke bumi Amerika Syarikat. Demikian juga semakin banyak wilayah-wilayah Vietnam Selatan yang jatuh ke tangan tentera Vietnam Utara yang berfahaman komunis.

Para wartawan mendapati pihak berkuasa Amerika Syarikat bersikap mengabaikan "kebenaran" dan palsu dalam menyampaikan maklumat tentang laporan Perang Vietnam. Gambaran tidak betul tentang keadaan sebenar yang wujud di medan perang menimbulkan tanda tanya kepada rakyat massa laporan manakah yang benar dan menepati fakta. Adakah wartawan yang tersalah terima maklumat atau pihak berkuasa yang menyembunyikan keadaan sebenar untuk menyembunyikan kelemahan mereka daripada diketahui rakyat jelata.

Fenomena meruncing ini mencetuskan persoalan siapakah yang menentukan kebenaran sama ada para wartawan atau pihak berkuasa. Kebenaran tentang laporan berita Perang Vietnam yang dikeluarkan oleh Pentagon semakin serius dipersoalkan oleh rakyat dan wartawan Amerika akibat semakin ramainya mayat tentera Amerika yang terbunuh dalam peperangan dibawa pulang. Mereka mempersoalkan kiranya tentera Amerika Syarikat mencapai kemenangan besar mengapakah mayat-mayat tentera Amerika semakin banyak tiba ke bumi Amerika Syarikat. Demikian juga semakin banyak bandar dan wilayah di Vietnam